



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM SANTUNI KOMUNITI MELALUI PROGRAM KASIH BAHAGIA SUKARELAWAN KAUNSELOR BERDAFTAR

TANJUNG SEPAT, 6 OGOS – YB Hajah Aiman Atirah Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan program Kasih Bahagia Sukarelawan Kaunselor Berdaftar Bersama Komuniti di Dewan Sri Tanjung, Sekolah Kebangsaan Tanjung Sepat, Selangor. Program ini bertujuan memperkenalkan perkhidmatan sokongan psikososial yang merangkumi perkhidmatan kaunseling dan konsultasi psikologi serta pengurusan ujian psikologi bagi kesejahteraan masyarakat.

Penganjuran Program Kasih-Bahagia Sukarelawan Kaunselor Berdaftar Bersama Komuniti merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Kaunselor bagi menjadikan perkhidmatan kaunseling dan psikopendidikan lebih inklusif kepada semua golongan masyarakat tanpa terkecuali terutamanya kepada masyarakat luar bandar.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa menyambut baik penganjuran program yang secara tidak langsung dapat menyebarkan perkhidmatan kaunseling agar masyarakat lebih memahami dan mendapat manfaat daripada pelaksanaan program yang berteraskan *Out Reach* sebagai satu strategi turun padang.

Kepelbagaian program serta usaha berterusan daripada agensi di bawah KPWKM merupakan platform yang tepat dalam memperkenalkan serta menyebarkan perkhidmatan yang disediakan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat di peringkat akar umbi.

Masyarakat masa kini menghadapi pelbagai cabaran dalam mendidik anak-anak dan isu remaja masa kini, maka tidak dinafikan bahawa ilmu dan gaya keibubapaan yang berkualiti dapat menjamin perkembangan kehidupan yang berkualiti, sihat dan sejahtera daripada segi fizikal, emosi dan mental.

Pendedahan menyeluruh mengenai pengetahuan dan gaya keibubapaan diberikan melalui Ceramah Teknik Keibubapaan dan Perkhidmatan Konsultasi termasuk cara berinteraksi, bimbingan dan keadah disiplin supaya anak akan lebih positif apabila dewasa. Kesejahteraan bukan sekadar aman, selamat, tenteram di dunia dan akhirat, bahkan merujuk kepada keseimbangan dalam emosi, kepuasan hidup serta mempunyai fungsi perhubungan sosial yang baik dalam keluarga. Tanggungjawab ini mampu mewujudkan kesejahteraan dalam membangunkan Malaysia sebagai sebuah Negara MADANI.

Turut serta dalam program ini ialah YBhg. Profesor Dr. Othman bin Dato' Haji Mohamed Presiden Lembaga Kaunselor, Puan Maznah binti Zaini, Guru Besar SK Tanjung Sepat, Encik Sadli bin Osman, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Kaunselor, Puan Halimatun Saadiah Binti Jamhari, Kaunselor Pendidikan Daerah Kuala Langat, Encik Nasir bin Minjin, Tok Batin Kampung Orang Asli Tanjung Sepat, Encik Ah Beng, Pengerusi Penduduk Kampung Orang Asli Tanjung Sepat, Sukarelawan Kaunselor Berdaftar (SKB) dan Anak-anak serta Ibu Bapa Kampung Tanjung Sepat.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
6 OGOS 2023**